

Kontroversi Di Sekitar Perlantikan Undang Jelebu

Zainal Abidin Bakar

SALAH satu akibat langsung pengaruh Inggeris dalam sistem politik Tanah Melayu ialah soal batas dan daerah yang *formal*. Negeri Sembilan yang terdiri dari sembilan daerah yang dikenal sebagai negeri itu, telah menerima akibatnya. Beberapa wilayahnya telah dimasukkan ke dalam daerah negeri lain seperti Naning di Melaka misalnya. Namun begitu, Jelebu, sebuah wilayah yang tersendiri telah dimasukkan ke dalam Negeri Sembilan kerana wilayah itu mengamalkan sistem Adat Perpatih seperti juga wilayah-wilayah lain di Negeri Sembilan. Dengan itu, Jelebu menjadi wilayah yang keempat di dalam Negeri Sembilan menurut pembahagian baru ini yang mempunyai seorang pembesar yang digelar Undang.

Sistem pentadbiran perundangan di Jelebu agak berbeza dengan sistem yang terdapat di Sungai Ujong, Johol dan Rembau. Perbezaan yang ketara ialah dalam soal pembesar yang menyokong Undang. Bagi wilayah lain, Undang disokong oleh empat orang pembesar yang bergelar Tiang Balai dan mereka disokong oleh orang besar lapan, diikuti oleh orang besar enam belas dan seterusnya. Di Jelebu hanya terdapat dua orang pembesar sahaja, iaitu Datuk Nika Menteri Shah Mangku Alam Raja Sari (Datuk

Menteri) dan Datuk Ombi Pangkal Maharaja Lela (Datuk Ombi). Di bawah dua orang datuk inilah terdapat enam orang Lembaga dan Tua Waris lainnya menjadikan jumlah lapan orang kesemuanya.

Penduduk asal wilayah ini seperti di daerah lain juga dikenali sebagai Orang Biduanda. Keturunan dari Suku Biduanda inilah sebenarnya yang menjadi 'waris nan sako' untuk menjawat semua tugas Undang di Jelebu. Dari suku inilah dilantik dua orang Tua: Datuk Menteri dan Datuk Ombi iaitu perlantikan yang didasarkan kepada perwarisan melalui perut ibu atau dikenal dalam istilah antropologi sebagai sistem pewarisan *matrilineal*. Ini bermakna sistem pewarisan itu dikira dari perut ibu. Ini bererti Suku Biduanda (atau Waris Negeri) ini terdapat dua perut yang dikenal sebagai Perut Waris Menteri dan Perut Waris Ombi. Keturunan Perut Waris Menteri boleh dilantik untuk menjawat tugas Datuk Menteri sementara keturunan Perut Waris Ombi boleh dilantik untuk menjawat tugas Datuk Ombi.

Perut Waris Ombi ini, merupakan induk kepada tiga waris Berundang iaitu Ulu Jelebu, Sarin dan Kemin. Dari perut ketiga-tiga waris inilah Undang Jelebu dilantik secara bergilir-

gilir. Tiap-tiap Waris Berundang itu pula diketuai oleh seorang tua yang berinduk kepada Datuk Ombi, masing-masing digelar Datuk Raja Balang (Kepala Waris Ulu Jelebu), Datuk Paduka Menteri (Kepala Waris Sarin) dan Datuk Maharaja Inda (Kepala Waris Kemin).

Jelebu bukan didiami oleh Suku Biduanda sahaja. Kedatangan orang Minangkabau membawa sekurang-kurangnya tiga suku lain: Suku Mungkal, Suku Tanah Datar dan Suku Batu Belang. Dengan itu, sebagai tuntutan adat, suku-suku ini harus juga diwakili dalam pentadbiran. Maka itu, dilantiklah tiga orang Lembaga seorang dari tiap suku yang bergelar Datuk Mengiang Merah Bangsa (Lembaga Suku Mungkal), Datuk Cincang Maharaja Lela (Lembaga Suku Tanah Datar) dan Datuk Senara Angsa (Lembaga Suku Batu Belang). Ketiga-tiga orang Lembaga ini menjadi pengapit bagi Datuk Menteri.

Di sini jelas terlihat betapa Undang disokong oleh dua orang pembesar iaitu Datuk Menteri dan Datuk Ombi sementara mereka pula diapit oleh tiga orang Lembaga atau Tua. Datuk Menteri diapit oleh Datuk Mengiang Merah Bangsa, Datuk Cincang Maharaja Lela dan Datuk Senara Angsa sementara Datuk Ombi diapit oleh Datuk Raja Balang, Datuk Paduka Menteri dan Datuk Maharaja Indera. Mereka ini dikenali sebagai 'Orang Berlapan' atau 'Datuk Yang Lapan' ataupun 'Balai Nan Panjang'.

Selain dari Orang Berlapan dalam hiraki di atas, terdapat beberapa jawatan datuk yang hiraknya agak terkebawah sedikit. Mereka terdiri dari mabil yang tertinggi bagi puak atau suku masing-masing menjadikan mereka tidak secara langsung berada di bawah Datuk Yang Lapan.

Pertama terdapat seorang Lembaga yang bergelar Datuk Amar Penghulu iaitu Lembaga bagi Suku Biduanda di Ulu Kelawang. Kita mungkin bertanya, kenapakah suku yang merupakan sebahagian dari Suku Biduanda tidak boleh atau tidak termasuk di dalam golongan orang Biduanda yang boleh mewarisi jawatan Undang. Walaupun mereka sebenarnya tergolong dalam Suku Biduanda, tetapi mereka bukanlah 'anak sako' Jelebu. Sebelum pembahagian wilayah seperti yang terdapat pada hari ini, kawasan ini termasuk di dalam bidang kuasa Sungai Ujong. Maka itu, mereka dianggap sebagai 'Anak Manja' kepada Undang Luak Jelebu.

Kedua ada seorang Lembaga yang bergelar Datuk Lela Angsa, iaitu Lembaga Suku Tiga Batu, yang dikatakan 'bekas air kaki Yamtuan Ulu Kelawang'. Ketiga, Datuk Raja di Raja yang menjadi Lembaga Suku Biduanda di Sarin II. Dari sinilah timbulnya pergolakan politik yang dapat kita perhatikan dalam perlantikan Undang baru-baru ini.

Mengikut Abdul Ghani Shamaruddin, (*De-*

wan Masyarakat, Mac 1964) pada mulanya terdapat cuma seorang Waris Sarin. Tetapi Datuk Paduka Diraja pada satu ketika dulu telah mengambil undang-undang di tangannya sendiri. Tanpa mendapat kebenaran Undang, beliau telah menjatuhkan hukuman mati ke atas seseorang. Dengan itu, beliau telah disingkirkan dari tugas dan warisnya ditegah dari dibolehkan untuk menjawat jawatan Undang. Dari peristiwa ini terbentuklah dua puak dari suku Sarin: Sarin I yang menjadi Waris Berundang, diketuai oleh Datuk Paduka Menti dan Sarin II yang terkeluar dari Waris Berundang, diketuai oleh Datuk Raja Diraja.

Keempat ialah Datuk Syahbandar yang menjadi Lembaga Suku Mungkal, iaitu Waris Di Air. Beliau juga adalah pembesar bagi semua orang dagang di Jelebu. Pada masa ini empat orang Lembaga inilah yang menjadi pembesar di bawah Balai Nan Panjang menjadikan dua belas kesemuanya. Malah pada suatu masa dahulu terdapat seorang Kapitan Cina untuk menjadi wakil kaum Cina di Jelebu tetapi jawatan ini tidak terdapat lagi sekarang.

Soal perlantikan Undang dilakukan dengan satu sistem yang sangat demokratis. Cuma calonnya saja yang terbatas kepada segolongan orang yang ditentukan melalui urutan keturunan ibu. Tetapi cara perlantikannya memperlihatkan ciri-ciri demokratis yang agak moden. Mula-mula para anak buah iaitu orang ramai dari satu-satu suku akan memilih Buapak yang dilakukan dengan cara kebulatan Para Buapak dengan cara kebulatan pula akan melantik Lembaga atau Tua bagi suku mereka. Merekalah yang menentukan perlantikan Undang.

Pada perlantikan Undang baru-baru ini, perut yang berhak menerima giliran ialah Waris Sarin. Maka itu, Datuk Paduka Menti mengarahkan para Buapak di dalam perut itu untuk mengemukakan calon untuk tugas itu. Menurut sumber yang boleh dipercayai, dari Sarin I dikemukakan dua belas calon. Sementara itu, Sarin II juga mengemukakan seorang calon tetapi telah ditolak. Nama-nama mereka yang dicalonkan itu ditapis oleh Datuk Ombi dan beberapa orang Tua lain. Tiga nama telah dikemukakan kepada Datuk Menteri.

Bagaimanapun pihak Sarin II yang telah ditolak pencalonannya oleh Datuk Ombi telah mengutus surat kepada Datuk Menteri untuk pertimbangan.

Datuk Menteri telah meminta dipertimbangkan calon ini bersama calon-calon yang lain, tetapi Datuk Ombi tidak mahu memberi kerjasama yang sepatutnya di dalam hal ini dengan alasan bahawa tugas Datuk Menteri ialah untuk melantik salah satu dari calon yang dikemukakan kepadanya. Soal mencari dan menyelidik kesahihan calon ialah tanggungjawabnya. Dengan hal yang demikian, Datuk Menteri telah

bertindak sendiri untuk menyiasat perkara yang sebenar. Dari siasatannya, didapati bahawa ketiga-tiga orang calon yang dikemukakan dari waris Sarin I ada mempunyai cacat celanya. Hanya calon dari waris Sarin II yang dianggap paling layak, kerana beliau adalah waris pesaka (Waris Asal Sarin).

Di sini, kita mungkin bertanya, bukankah waris Sarin II telah dimansuhkan kelayakannya dari menjawat tugas Undang seperti yang diuraikan di atas? Menurut siasatan Datuk Menteri, hal itu berlaku pada waktu pemerintahan Undang ke-7. Tapi anehnya, Undang ke-8 telah dilantik dari perut Sarin II. Seterusnya, Undang ke-12 yang berasal dari Sarin I bukan 'sako waris' yang tulen, sebaliknya berasal dari orang luar.

Maka itu, pada 4 Februari, 1980, Encik Musa bin Wahab telah diistiharkan sebagai Undang Jelebu yang ke-15 dengan gelaran Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman. Tetapi perantaraan itu ditentang keras oleh tujuh orang Lembaga yang diketuai oleh Datuk Ombi Syed Alwi Syed Idrus dengan bertindak keluar dari majlis peristiharan lantikan tersebut. Walau bagaimanapun, protes yang terkandung di

dalam memorandum yang disampaikan kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, iaitu sebuah badan penasihat hal ehwal adat istiadat Melayu Negeri Sembilan itu tidak sampai ke mana-mana. Sebaliknya, perantaraan Undang Jelebu ke-15 dianggap sah oleh Dewan yang bermesyuarat pada 7hb. Februari 1980 dengan dipengerusikan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

Dengan tindakan itu Datuk Ombi dan enam orang Lembaga lainnya telah terpecah dari tugas masing-masing kerana dianggap menderhaka. Walau bagaimanapun, jawatan tersebut telah segera terisi, iaitu diisi oleh 'jejuak' dan 'anak buah' yang segera menuntut pesaka masing-masing sebelum dimansuhkan. Dengan itu pergolakan politik tradisi di Jelebu selama hampir dua bulan itu telah berakhir. Tapi sampai bila? Seperti yang disuarakan oleh banyak peneliti adat, soal ini merupakan suatu tradisi warisan lisan yang diturunkan dari generasi ke generasi. Kalaulah segala *precedings* perantaraan dan perundangan termaktub, kekecohan seperti yang telah berlaku sejak hampir tiga perantaraan kebelakangan ini tidak akan berlaku. □



HUJAN OH HUJAN ...

JANGAN KAU TURUN...